

NEWSPAPER CLIPPING  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

BERITA HARIAN

DATE: 15/12/2008

## BTN bantu hindari masalah kaum

**P**UTRAJAYA: Kursus Biro Tata Negara (BTN) banyak membantu rakyat Malaysia memahami patriotisme yang membolehkan mereka hidup aman tanpa masalah seperti rusuhan kaum, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ahmad Maslan.

Beliau berkata, Malaysia tidak pernah mengalami masalah kaum kerana semua peserta yang mengikuti BTN diberikan pendedahan khusus mengenai aspek pembinaan semangat cintakan tanah air, keamanan, perpaduan dan

BT-15/12/09  
penerapan nilai murni.

Malah, Ahmad berkata, beliau percaya Malaysia pasti sudah lama hancur jika kerajaan menerapkan semangat dan api perkauman di dalam modul BTN.

"Sehingga kini berjuta rakyat Malaysia sudah menyertai BTN sejak kursus itu diperkenalkan pada 1974. Jika BTN mengamalkan perkauman mesti sudah lama Malaysia terbakar.

"Jika dalam kursus BTN kita suruh orang Melayu lancar perang terhadap orang Cina, maka sudah la-

ma tercetus rusuhan kaum di Malaysia tetapi sehingga kini perkara itu tidak pernah berlaku," katanya kepada pemberita pada sidang media selepas menyampaikan ceramah sempena Seminar Gagasan 1Malaysia kepada kakitangan kerajaan di sini, semalam.

Berikutan itu, Ahmad berkata, beliau menafikan sekeras-kerasnya dakwaan setengah pihak, terutama parti pembangkang bahawa modul dan bahan digunakan dalam kursus BTN adalah bersifat perkauman.